

# PROGRAM DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 KEMENTERIAN PERTAHANAN (TN50D) PERINGKAT PU KUALA LUMPUR

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2479-program-dialog-transformasi-nasional-2050-kementerian-pertahanan-tn50d-peringkat-pu-kuala-lumpur](https://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2479-program-dialog-transformasi-nasional-2050-kementerian-pertahanan-tn50d-peringkat-pu-kuala-lumpur)



KUALA LUMPUR, 7 Sep 17 - Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) telah mengkoordinasikan Program Dialog Transformasi Nasional 2050 Kementerian Pertahanan (TN50D) peringkat PU Kuala Lumpur bertempat di Dewan Angkasaraya, Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL). Program ini melibatkan pegawai dan anggota dari Markas Tentera Udara, MPBU, Markas Wilayah Udara 1, Institut Perubatan Penerbangan, PUKL dan Institut Latihan Pengurusan Materiel yang terdiri daripada 67 pegawai dan 233 anggota LLP.

Program Dialog TN50D telah disempurnakan oleh Ketua Staf Operasi Markas Wilayah Udara 1, YBhg Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM selaku Moderator dan Panglima Bantuan Udara, YBhg Lt Jen Dato' Paduka Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM dan Panglima Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM turut hadir selaku Ahli Panel.

Program dialog ini telah mendapat sambutan baik daripada kalangan pegawai dan anggota LLP yang hadir kerana terdapat pelbagai aspirasi yang disuarakan. Hal ini secara langsung membuktikan bahawa program ini adalah satu langkah kerajaan dalam memenuhi kehendak anggota ATM khususnya TUDM.